

Rujukan Kami : UniSZA.P/2/PP/138 Jld.3 (18)

Tarikh : 24 September 2020

SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

ARAHAN LARANGAN MENGUNJUNGI KAWASAN ZON MERAH COVID-19

Adalah saya diarah menarik perhatian YBhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan mengenai perkara diatas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Pengurusan UniSZA memandang serius terhadap perkembangan semasa penularan wabak COVID-19 dan pengumuman terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengisytiharkan empat (4) kluster di Sabah (Lahad Datu, Tawau, Semporna dan Kunak) dan satu (1) kluster di Kedah (Kota Setar) sebagai zon merah COVID-19.
3. Sehubungan dengan itu, pengurusan universiti telah bersetuju seperti berikut:
 - i. **Mana-mana staf adalah DILARANG** untuk mengunjungi atau bercuti ke kawasan zon merah COVID-19; dan
 - ii. **Mana-mana staf UniSZA yang telah mengunjungi zon merah COVID-19 adalah DIWAJIBKAN** menjalani kuarantin di rumah selama 14 hari dan bekerja dari rumah (WFH). Kuarantin ini juga hendaklah dilaksanakan jika terdapat pasangan/ahli keluarga/kontak rapat yang mengunjungi zon merah COVID-19.
4. **Arahan ini juga adalah terpakai kepada mana-mana kawasan zon merah yang dikenalpasti oleh pihak Kerajaan sehingga tamat tempoh PKPP Fasa 2 pada 31 Disember 2020.** Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, tindakan boleh dikenakan mengikut Akta 605 (Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj)) dan Akta 342 (Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2020). Semua warga UniSZA diharap mengambil tanggungjawab bersama dengan mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan penularan wabak ini dapat dihentikan.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Ilmu dan Akhlak'

Saya yang menjalankan amanah,


ISMAL BIN MUSA
Pendaftar

NA/BGIP

Aras 1, Bangunan Canselor, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia.
Tel: 609.668.8888 Faks: 609.668.7883/7884 E-mel: pendaftar@unisza.edu.my



Senarai Edaran

- YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (Menjalankan fungsi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Bendahari
- Pengarah Pejabat Kampus Besut
- Penasihat Undang-Undang UniSZA
- Ketua Pustakawan (Menjalankan fungsi)
- Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda
- Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan
- Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Dekan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Dekan Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi
- Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran
- Dekan Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
- Dekan Fakulti Perubatan
- Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan
- Dekan Fakulti Farmasi
- Dekan Pusat Pengajian Siswazah
- Pengarah Pusat Pengajian Teras
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
- Pengarah Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan
- Pengarah Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti
- Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan
- Pengarah Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan dan Pelaburan
- Pengarah Penerbit UniSZA
- Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar
- Pengarah Pusat Islam UniSZA
- Pengarah Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat
- Pengarah Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar
- Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
- Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi
- Pengarah Pusat Kesenian dan Warisan
- Pengarah Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA



- Pengarah Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA
- Pengarah Pusat Antarabangsa
- Pengarah Pusat Pembangunan Hospital UniSZA
- Pengarah Pejabat Wakaf dan Endowmen
- Pengarah Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
- Pengarah Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam
- Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
- Ketua Unit Risiko
- Ketua Unit Audit Dalam UniSZA